

25/12/1999

Peraturan perlu diwujudkan pastikan YB hadir sidang

CADANGAN supaya Ahli Parlimen yang tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat, digugurkan daripada menjadi calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, barangkali adalah hukuman paling wajar. Ini cara terbaik memastikan mereka tidak selalu ponteng dan bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Ramai kalangan Ahli Yang Berhormat gagal memberi sebab munasabah mengapa tidak hadir. Jikapun hadir, ia sekadar merekodkan kedatangan. Seperti ditegaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, wakil rakyat walaupun datang, akan membuang masa duduk di lobi atau bersembang serta minum di kafeteria. Mereka hadir untuk mendapat elaun tetapi tidak langsung mahu terbabit dalam perbahasan. Disebabkan sidang berlangsung pagi dan petang, mereka hanya letih duduk dan adakalanya terlena seketika. Ada pula yang datang pada sebelah pagi tetapi tidak nampak muka petangnya. Beberapa tahun lalu, ketika Dewan Rakyat hanya bersidang petang, sepanjang lima hari, sehari dua saja wajah mereka kelihatan. Kejadian tidak cukup korum sehingga Speaker terpaksa membunyikan loceng walaupun tidak kerap berlaku sehingga perbahasan atau rang undang-undang tidak dapat diteruskan, rekod kedatangan penuh kerap sukar dicapai.

Kita memahami tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen mencabar dan berat. Apatah lagi bagi yang memegang jawatan menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen. Ada juga kalangan mereka yang memegang jawatan penting di beberapa badan berkanun dan agensi kerajaan. Semua Ahli Yang Berhormat ini juga perlu pulang ke kawasan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Sepanjang dewan bersidang bagi tempoh yang panjang satu atau dua bulan, majlis rasmi kerajaan masih tetap diadakan. Sama ada menteri, timbalan dan Setiausaha Parlimen, mereka perlu menghadirinya. Tugas rasmi lain termasuk menghadiri mesyuarat dan taklimat penting. Bagi mereka ini, barangkali kita boleh menerima alasan jika tidak dapat hadir bagi sesi pagi dan petang. Bagaimanapun, mereka wajib kembali menghadiri salah satu sesi atau sebaik sahaja setiap tugas penting lain selesai.

Apa yang memusykilkan rakyat ialah sikap Ahli Parlimen yang tidak berjawatan. Mereka kerap dilihat berada di ibu negara setiap kali ada persidangan tetapi selalu tidak menghadirinya, jauh sekali mengemukakan soalan serta menyertai perbahasan. Lantaran itu, muka yang sama saja berdebat di dewan. Hanya gambar mereka ini saja yang kerap disiarkan oleh akhbar tempatan. Bagi Ahli Yang Berhormat lain, mereka hanya duduk lama di dalam dewan apabila ada perkara penting seperti pembentangan Belanjawan Negara. Selepas itu, tempat duduk mereka jarang panas. Justeru, pandangan dan masalah rakyat yang sepatutnya dibawa dalam sidang Parlimen akan tinggal begitu sahaja dan tidak dapat diselesaikan.

Mungkin beberapa peraturan baru perlu dibuat untuk memastikan wakil rakyat menghadiri Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Selain kad perakam waktu dan nama mereka yang kerap tidak hadir diumumkan supaya diketahui pengundi, elaun pula dibayar mengikut jumlah hari kedatangan.

Rakyat sudah memberi kepercayaan kepada mereka untuk berkhidmat sebaik mungkin. Pengundi hari ini adalah mereka yang berpelajaran, tahu hak dan akan sentiasa memerhatikan gelagat wakil rakyat masing-masing. Kemenangan mereka bukanlah passport untuk menjayakan agenda atau matlamat peribadi termasuk bergiat cergas dalam perniagaan sehingga sengaja tidak datang bersidang. Seseorang yang menjadi wakil rakyat sama ada di peringkat

negeri atau Parlimen, adalah ahli politik sepenuh masa. Malangnya, ramai ahli politik kita selepas dilantik sebagai wakil rakyat, tidak bersedia meninggalkan sepenuhnya profesion mereka sebelumnya. Disebabkan gagal menghayati tugas dan kedudukan sekarang sebagai ahli politik sepenuh masa, kebanyakannya gagal memberi tumpuan untuk berkhidmat.

Mungkin juga imbuhan yang diterima mereka sekarang masih tidak cukup untuk menarik hati wakil rakyat ini berkhidmat sepenuh masa dan menghadiri sidang. Barangkali ia perlu dikaji. Namun, sidang di negeri atau Parlimen diadakan bagi tempoh tertentu saja. Mereka masih boleh melakukan tugas lain termasuk terbabit dalam perniagaan apabila dewan tidak bersidang. Mereka perlu ingat, jika tidak hadir bermakna mereka tidak tahu perkara yang dibincangkan apatah lagi jika ia perlu dijelaskan kepada rakyat khususnya pengundi. Mereka ini akan kekal menjadi wakil rakyat serba ketinggalan dalam pelbagai isu penting manakala dalam kerjaya politik, tidak nampak ada peningkatan.

(END)